

Azab Kubur Berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadith

Author

Azab Kubur Berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadith

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Perkataan azab bererti hukuman, seksaan, kesengsaraan atau kesusahan. Manakala perkataan kubur pula bermaksud tempat menanam mayat. Jika disebutkan perkuburan bermakna tanah lapang atau kawasan tempat menguburkan orang yang telah mati atau permakaman.

Â
Â

Mayat sama ada ditanam, ditenggelamkan, terbakar jadi debu atau dimakan binatang; mereka disebut berada di alam barzakh. Maka pengertian kubur yang dikaitkan dengan kesenangan atau azab ialah alam kubur yang berada di antara alam kehidupan dunia dengan alam akhirat iaitu alam barzakh.

Alam Barzakh

Barzakh bermaksud rintangan atau pemisahan. Alam barzakh ialah alam pertama daripada alam yang kekal abadi di akhirat. Semua orang yang berada di dalam kubur dinamakan hidup di alam barzakh.

Alam ini berada di antara mati dan bangkit daripada mati. Apabila berada di dalam kubur, kita akan disoal oleh dua malaikat yang bernama Munkar dan Nakir mengenai amalan yang dilakukan semasa hidup di dunia. (Ensiklopedia Isam: 3/8-9)

Pengarang kitab Mu'jam Alfaz as-Shawfiyah menyatakan perkataan barzakh dari sudut bahasa ialah sekatan atau pemisah di antara dua sesuatu seperti bercakap adalah pemisah di antara manusia dengan binatang. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: "ela biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu. Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya" (Surah ar-Rahman: 19-20)

Barzakh dari sudut istilah pula ialah pendinding (hijab) yang terdapat di antara orang mati dan orang hidup. PENDING ini lah yang menghalang orang mati kembali ke dunia. Barzakh (pendinding) ini akan kekal sehingga hari Kiamat.

Jadi alam barzakh ialah alam yang terdapat di antara dunia dan akhirat. Alam ini boleh dikatakan sebagai tempat sementara penghuni dunia untuk sampai ke hari Kiamat.

Menurut al-Qurtubi ketika menafsirkan firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: " Sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka

dibangkitkan semula (pada hari kiamat) (Surah al-Mukminun: 100)

Beliau menjelaskan bahawa barzakh itu ialah alam di antara kematian dan kebangkitan. (Tafsir al-Qurtubi: 6/113)

Pengarang kitab Akidah al-Mukmin pula menyatakan tujuan wujudnya alam barzakh ialah untuk menghimpunkan semua roh dan bersiap sedia memasuki alam akhirat. Dengan kedudukannya yang seperti itu, maka alam barzakh berfungsi sebagai pendinding atau pemisah di antara dua kehidupan lain iaitu kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Dengan perkataan lain, alam barzakh ialah alam penantian atau ruang menunggu untuk masuk ke alam akhirat selepas kematian. (Halaman 409-501)

Dalil-Dalil Yang Menyatakan Azab Kubur Dalam Al-Qur'an

Pensabitan azab kubur di dalam al-Qur'an telah dijelaskan oleh para ulama tafsir yang muktabar lagi masyhor. Mereka itu termasuklah Imam al-Qurtubi, Ibnu Kathir, Imam Muhammad ar-Razi Fakhr al-Din dan lain-lainnya menyebut perkara tersebut dan kewajipan beriman dengannya di dalam kitab-kitab mereka.

Ayat-ayat al-Qur'an yang menjadi bukti wujudnya azab kubur antaranya ialah:

1. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan pertunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari Kiamat dalam keadaan buta (Surah Taha: 124)

Menurut Abu Sa'id al-Khudri dan Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anhum perkataan $\text{Ø}\text{¶}\text{Ù}\text{†}\text{Ù}\text{f}\text{Ø}\text{§}$ (yang sempit) adalah kubur. Inilah pendapat yang shahih. Telah disebutkan dalam kitab at-Tazkirah, Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu telah berkata:

Disempitkan kubur orang kafir itu sehingga tulang-tulang berselisih. (At-Tazkirah: 151-152 & al-Qurtubi: 6/3307)

2. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Mereka didedahkan kepada bahan api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya. (Surah Ghafir: 46)

Ayat di atas menceritakan tentang berlakunya pendedahan bahan-bahan api neraka di alam barzakh. Perkara ini bertepatan dengan pendapat jumhur ulama sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Qurtubi bahawa bahan-bahan api neraka yang didedahkan pada waktu pagi dan petang itu berlaku di alam barzakh. Sebahagian ahli ilmu pula menjadikan ayat di atas sebagai dalil sabitnya azab kubur. Pendapat ini disepakati oleh Mujahid, 'Akramah, Muqatil dan Muhammad bin Ka'ab. Mereka mengatakan bahawa ayat di atas adalah dalil yang menunjukkan bahawa azab kubur itu berlaku di alam barzakh. (Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an, al-Qurtubi: 8/4415-4416)

Imam Ibn Kathir ad-Dimsyaqi menyatakan bahawa Ahli Sunnah menjadikan ayat di atas sebagai dalil yang kukuh berlakunya azab kubur di alam barzakh. Beliau berkata:

Maksudnya: Ayat ini adalah sebenar-benar sumber mengenai pensabitan Ahli Sunnah terhadap berlakunya azab kubur

di alam barzakh.

3. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Mereka ditenggelamkan (dengan bah taufan), kemudian (pada hari akhirat) dimasukkan ke dalam neraka (Surah Nuh: 25)

Al-Qurtubi menafsirkan perkataan dimasukkan ke dalam api neraka iaitu selepas mereka (kaum Nabi Nuh alaihisalam) ditenggelamkan. Berkata al-Qusyairi:

Maksudnya: Inilah bukti (berlakunya) azab kubur (yang berlaku ke atas kaum Nabi Nuh alaihisalam, ditenggelamkan dengan bah taufan dan pada hari akhirat dimasukkan ke dalam api neraka).

Dengan perkataan lain sebagaimana riwayat Abu Rauq daripada ad-Dahak bahawa di dunia mereka diazab dengan api neraka sekaligus ditenggelamkan. Yakni mereka ditenggelamkan pada satu sudut dan pada sudut yang lain mereka dibakar di dalam air lautan. (Al-Qurtubi: 9/5187-5188)

Imam an-Nasafi menjelaskan bahawa mereka kaum Nabi Nuh alaihisalam ditenggelamkan dengan bah taufan dan dimasukkan ke dalam api neraka disebabkan oleh kesalahan-kesalahan mereka yang banyak. Huruf faTM dalam ayat ialah (untuk pemberitahuan) iaitu mereka diazab dengan api neraka ketika ditenggelamkan. Inilah dalil dan bukti wujudnya dan sabitnya azab kubur. (Tafsir An-Nasafi: 4/297)

4. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa selain daripada azab yang tersebut. (Surah At-Thuur: 47)

Al-Qurtubi menjelaskan dalam tafsirnya bahawa azab itu adalah azab kubur. (At-Tazkirah fi Ahwal al-Mauta wa Umur al-Akhirat: 152 & Al-Qurtubi: 9/4786). Ini kerana Allah Ta'ala telah berfirman:

Tafsirnya: (Kalau keingkaran dan kedegilan mereka sampai begitu sekali) maka biarkanlah mereka (wahai Muhammad, dan janganlah dihiraukan) sehingga mereka menemui hari yang padanya mereka akan binasa. (Surah At-Thuur: 45)

Menurut beliau (at-Qurtubi) hari yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah hari terakhir di dunia. Ini adalah bukti bahawa azab yang dihadapi (di dunia) itu ialah azab kubur. (At-Tazkirah: 152)

5. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (hartabenda, anak pinak, pangkat dan pengaruh). Sehingga kamu masuk kubur. Jangan sekali-kali (bersikap demikian) kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati). Sekali lagi (diingatkan): Jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk pada hari Kiamat)! (Surah at-Takathur: 1-3)

Imam al-Qurtubi menyatakan bahawa surah di atas mengandungi perkataan-perkataan tentang azab kubur. Oleh itu beriman dengannya adalah wajib. Inilah pegangan ahli Sunnah wa al-Jama'ah. (At-Tazkirah: 152 & al-Qurtubi: 10/5540-5541)

Ibnu Jarir at-Tabari pula menjelaskan ayat (sehingga kamu masuk kubur) sebagai dalil atau bukti keshahihan wujudnya azab kubur. Perkara ini disebut dalam beberapa riwayat, antaranya riwayat daripada Zirru bin Hubaisy, daripada Ali Radhiallahu 'anhunya: "Kami masih ragu tentang azab kubur, lalu turunlah surah at-Takathur". (Jami' al-Bayhaqi: 15/362)

Hadis-Hadis Yang Menunjukkan Sabitnya Azab Kubur

Berita dan khabar yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersumber daripada wahyu Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh kerana itu, setiap hamba Allah Ta'ala wajib mempercayainya dan beriman dengannya. Inilah iktiqad orang-orang Islam.

Maka banyak hadis-hadis shahih yang diriwayatkan oleh periwayat-periwayat hadis yang masyhur seperti al-Bukhari dan Muslim secara terang-terang menyebutkan tentang sabitnya kewujudan azab kubur, antaranya:

1. Riwayat daripada Ibnu Abbas Radhiallahu 'anhuma, katanya:

Maksudnya: "Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam melalui dua buah kubur. Lalu Baginda bersabda: "Sesungguhnya kedua-dua mayat ini sedang diazab dan bukanlah kedua-duanya diazab sebab dosa yang terlalu besar. Adapun salah seorangnya tidak bersuci daripada kencing dan yang seorang lagi kerana berjalan ke sana ke mari mengadu-domba. Lalu Baginda mengambil pelepah tamar yang basah dan dipatahkan kepada dua bahagian. Kemudian Baginda pacakkan ke atas setiap kubur tersebut. Mereka (sahabat-sahabat) bertanya: "Mengapa Tuan berbuat demikian? Baginda menjawab dan bersabda: "Mudah-mudahan diringankan azab kedua-dua mayat ini selama mana kedua pelepah ini belum kering". (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Daripada Aisyah Radhiallahu 'anha telah berkata:

"Telah datang kepada ku dua orang tua Yahudi Madinah sambil berkata: Maksudnya: "Sesungguhnya ahli kubur itu diazab dalam kubur-kubur mereka. Aisyah Radhiallahu 'anha menjawab: "Kamu berdua berbohong dan aku tidak mempercayai kamu lalu kedua orang tua Yahudi itu pun keluar. Tatkala masuk Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, aku bertanya kepada Baginda: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya dua orang tua Yahudi Madinah telah berjumpa aku dan keduanya menyangka bahawa ahli kubur itu diazab di dalam kubur-kubur mereka.

Bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: "Benar kata-kata kedua orang Yahudi itu, sesungguhnya mayat-mayat itu diazab sehingga didengar akannya oleh sekalian binatang. (Aisyah Radhiallahu 'anha) berkata: "Aku tidak melihat Baginda selepas sembahyang kecuali (berdoa) memohon perlindungan daripada azab kubur". (Hadis riwayat Muslim dan al-Bukhari)

3. Daripada riwayat Abi Ayyub katanya:

Maksudnya: "Pada suatu hari Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam keluar selepas matahari terbenam. Lalu Baginda mendengar suara. Baginda bersabda: "Mayat Yahudi itu diazab di dalam kuburnya". (Hadis riwayat Muslim dan al-Bukhari)

4. Daripada Ibnu Umar Radhiallahu â€˜anhuma:

Maksudnya: â€œSesungguhnya Nabi Shallallahu â€˜alaihi wasallam bersabda: â€œSesungguhnya mayat itu diazab disebabkan oleh ratapan orang-orang yang hidupâ€• (Hadis riwayat al-Bukhari)

5. Dalam riwayat Imam Muslim:

Maksudnya: â€œSesungguhnya Rasulullah Shallallahu â€˜alaihi wasallam bersabda: â€œBahawa mayat itu diazab kerana rata keluarga ke atasnyaâ€•. (Hadis riwayat Muslim)

6. Daripada Zaid bin Sabit menceritakan ketika Nabi Shallallahu â€˜alaihi wasallam melintasi beberapa kubur, Baginda bersabda:

Maksudnya: â€œSiapa yang mengetahui mayat-mayat di kuburkan ini? Seorang Lelaki menjawab: â€œSayaâ€•. Baginda bertanya: â€œBilakah mereka mati? Lelaki itu menjawab: â€œMereka mati ketika dalam kafirâ€•. Baginda bersabda: â€œSesungguhnya akan dicuba di dalam kuburnya. Jika tidak kerana kamu tanamkan (mayat-mayat) ini nescaya aku memohon kepada Allah supaya kamu diperdengarkan daripada azab kubur sebagaimana aku dengar daripada kubur-kubur ini. Kemudian Baginda menghadapkan wajahnya kepada kami dan bersabda: â€œBerlindunglah kamu kepada Allah daripada azab nerakaâ€•. Mereka berkata: â€œKami berlindung dengan Allah daripada azab api nerakaâ€•. Baginda bersabda: â€œBerlindunglah kamu kepada Allah daripada azab kuburâ€•. Mereka berkata: â€œKami berlindung dengan Allah daripada azab kuburâ€•â€• (Hadis riwayat Muslim)

Maka jelas daripada segala hadis yang shahih di atas bahawa azab kubur adalah sabit dan benar dan sekalian umat Islam wajib mempercayainya dan orang yang mengingkarinya pula adalah ditakuti rosak akidahnya.

Al-Imam al-Qadi Ali bin Abi al-â€˜Izz ad-Dimsyaqi dalam kitab Syarh Thahawiyah berkata: â€œDan telah mutawatir segala hadis daripada Rasulullah Shallallahu â€˜alaihi wasallam tentang sabitnya azab kubur dan nikmatnya serta perkara soal dua malaikat. Maka wajib beriktihad akan sabitnya yang demikian ituâ€•. (Syarh al-Aqidah at-Thahawiyah: 2/456)

Adakah Azab Kubur Berterusan Atau Sebaliknya?

Ibnu Qayyim al-Jauziyah menyatakan bahawa azab itu ada dua macam iaitu azab yang tetap dan azab yang terputus Azab yang tetap berdasarkan ayat firman Allah Taâ€˜ala:

Tafsirnya: â€œMereka didedahkan kepada bahan api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh)â€•. (Surah Ghafir: 46)

Walau bagaimanapun dengan kehendak Allah Subhanahu wa Taâ€˜ala azab boleh diringankan berdasarkan beberapa hadis Nabi Shallallahu â€˜alaihi wasallam. Antaranya:

1. Riwayat daripada Ibnu Abbas Radhiallahu â€˜anhuma, katanya:

Maksudnya: â€œNabi Shallallahu â€˜alaihi wasallam melalui dua buah kubur. Lalu Baginda bersabda: â€œSesungguhnya kedua

dua mayat ini sedang diazab dan bukanlah kedua-duanya diazab sebab dosa besar yang terlalu besar. Adapun salah seorangnya tidak bersuci daripada kencing dan yang seorang lagi kerana berjalan ke sana ke mari mengadu-domba. Lalu Baginda mengambil pelepah buah tamar yang basah dan dipatahkan kepada dua bahagian. Kemudian Baginda pacakkan ke atas setiap kubur tersebut. Mereka (sahabat-sahabat) bertanya: "Mengapa Tuan berbuat demikian? Baginda menjawab dan bersabda: "Mudah-mudahan diringankan azab kedua-dua mayat ini selama mana kedua pelepah ini belum kering" (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Riwayat daripada Ibnu Umar Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Sesungguhnya apabila seseorang kamu meninggal dunia akan dibentangkan kepadanya tempat duduk pada waktu pagi dan petang. Sekiranya dia ahli syurga maka dia penghuni ahli syurga dan sekiranya dia ahli neraka maka dia adalah penghuni ahli neraka. Lalu dikatakan kepadanya: "Inilah tempat dudukmu sehingga Allah membangkitkan engkau semula di hari Kiamat" (Hadis riwayat Bukhari)

Manakala azab yang putus ialah seseorang yang diazab dengan api neraka pada suatu waktu yang ditentukan kemudian ia dikeluarkan semula daripada azab tersebut. Sebagai contoh seseorang yang diazab disebabkan dosanya kemudian ia dikeluarkan atau diringankan daripada azab tersebut disebabkan oleh doa, pahala sedekah, pahala haji atau pahala bacaan al-Qur'an yang sampai kepada si mati oleh sanak keluarga atau orang lain. Ini sesuai dengan firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: "Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya" (Surah al-Baqarah: 255)

Ibnu Abi ad-Dunia menyebutkan satu cerita Abdullah bin Nafi' katanya:

"Telah mati seorang lelaki daripada orang Madinah lalu aku melihat dia seolah-olah sebagai ahli neraka dan dia sangat berdukacita kerana yang demikian itu. Kemudian selepas beberapa ketika aku melihatnya pula seolah-olah sebagai ahli syurga. Lalu aku bertanya: "Tidakkah engkau berkata bahawa engkau tergolong daripada ahli neraka". Dia menjawab: "Sememangnya begitu (sebagaimana yang aku katakan kepadamu) kecuali setelah dikuburkan bersama-sama kami ini seorang yang salih dan kerananya telah mendapat syafaat seramai empat puluh orang di sekeliling kuburnya dan aku termasuk daripada mereka yang mendapat syafaat itu".

Inilah ringkasan perkataan Ibnu Qayyim di dalam kitabnya ar-Ruh mengenai persoalan azab kubur itu berterusan atau sebaliknya. (Ar-Ruh: 107-109)

Kedudukan Hadis Ahad Dalam Hujjah

Ada sebahagian orang yang mendakwa bahawa azab kubur tidak sabit kerana hadis-hadis yang mengkhabarkan keshahihan azab kubur adalah hadis Ahad.

Al-'Allamah al-Kauthari berkata: "Kemudian memakai hadis Ahad pada dalil hukum syara' adalah sabit dan nyata dengan disokong oleh dalil-dalil qath'i dan pemutus bahawa hadis Ahad memberi ilmu yakin betul benar isi kandungannya tiadalah ada ragu-ragu padanya walau pun ia dinamakan hadis Tunggal (Ahad), bagaimana telah ditegaskan oleh al-Imam Abul Hasan al-Karkhi dan as-Sam'aani dalam kitab al-Qawathi', al-Imam al-Ghazali dalam kitab al-Mustashfa dan al-Imam Abul Aziz al-Bukhari dalam kitab Syarh Ushul Fakhru Islam. (Fatwa Mufti Kerajaan: 4/90 (Fatwa Berturut Bil: 71)

Menurut pengarang kitab al-Aqidah al-Islamiyah wa Ususuha bahawa kebanyakan hadis-hadis Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam yang sampai kepada kita ialah menerusi jalan Ahad. Jika hadisnya shahih, ia membawa ilmu zanni kepada

perwayatannya. Ini memberi faedah bahawa ia difahami pasti datang daripada Nabi Shallallahu â€˜alaihi wasallam, tetapi tidak seperti akidah kita kepada mutawatir. Walaupun begitu, sesetengah hadis Ahad yang mengandungi persoalan akidah ada yang diterima umat Islam pada zaman awal Islam dengan penerimaan sepenuhnya tanpa bantahan. Hadis Ahad seperti ini meningkat ke taraf â€œriwayat mutawatirâ€• dengan mengambil kira kandungannya telah diambil dan diterima pakai umat Islam tanpa bantahan. Dengan itu hadis Ahad seperti ini jadilah â€œmutawatir maknaâ€•, dan dari itu pula ia membawa faedah yang sama pada riwayat â€œmutawatir lafziâ€•. (Abdul Rahman Hanakah al-Midani: h.37)

Imam Syafiâ€™e Rahimahullah telah mensabitkan bolehnya berhujah dengan hadis Ahad sebagaimana terdapat banyak tempat di dalam kitab-kitab beliau khasnya ketika dalam perbahasan atau munazzah. Hadis Ahad dipakai beliau apabila hujjah yang diperlukan tidak dijumpai dalam al-Qurâ€™an, sunnah dan ijmak atau yang semakna dengannyaâ€•. (Ar-Risalah: 596-598 & Abu Zuhrah, as-Syafiâ€™e: 308)

Al-Baqilani pula berkata: â€œAdalah wajib mengamalkan hadis Ahad jika perawinya bersifat adil dan tidak bertentangan dengan nas yang lebih kuat daripadanya â€• (al-Baqilani, At-Tamhid: 164)

Penutup

Berdasarkan fakta atau hujah daripada al-Qurâ€™an, sunnah dan perkataan ulama adalah sabit wujudnya azab kubur. Al-Imam al-Qadi Ali bin Al-â€™Izz ad-Dimsyaqi dalam kitab Syarh al-Akidah at-Thahawiyah menyebutkan bahawa telah mutawatir segala hadis daripada Rasulullah Shallallahu â€˜alaihi wasallam pada sabitnya azab kubur dan nikmatnya serta soal dua malaikat. Maka wajib beriktihad akan sabitnya yang demikian dan beriman dengannya. Janganlah kita persoalkan atau bercakap mengenai kaifiyah (caranya) kerana akal tidak akan berhenti pada memikirkannyaâ€•. (Syarh al-Akidah at-Thahawiyah: 456)

Imam Abu Hanifah pula menyebutkan di dalam kitabnya al-Fiqh al-Akbar bahawa sempitnya kubur dan azab kubur itu adalah benar kepada mayat kafir sekaliannya dan sebahagian daripada yang derhaka daripada orang-orang yang beriman. (al-Fiqh al-Akbar:)

Maka ada pula dakwaan sesetengah penganut agama dan fahaman yang menyeleweng yang menyangka apabila jasad manusia dibakar dengan api sehingga menjadi abu atau ditenggelamkan ke dasar laut, jasad itu terlepas daripada azab barzakh iaitu azab kubur. Perkara ini telah disangkal dan ditolak oleh Al-Imam al-Qadi Ali bin Al-â€™Izz ad-Dimsyaqi dalam kitab Syarh al-Akidah at-Thahawiyah katanya:

â€œDan ketahui olehmu bahawa azab kubur itu adalah azab barzakh. Maka sesiapa yang telah mati adalah berhak bagi azab yang tertentu ke atasnya sama ada dikuburkan atau tidak dikuburkan, yang memakan akan dia oleh binatang buas atau hangus terbakar sampai menjadi abu dan diterbangkan ke udara, atau disalib atau tenggelam di laut, nescaya sampailah kepada roh dan jasadnya daripada azab sebagaimana yang sampai kepada mayat yang dikuburkanâ€•. (Syarh al-Akidah at-Thahawiyah: 457)

Dari hujjah dan keterangan ini, maka tertolaklah segala pendapat dan anggapan orang yang mengingkari azab kubur sebagaimana pada akhir-akhir ini turut menyaksikan adanya pendapat dan anggapan yang sedemikian daripada penulis-penulis yang bertopengkan Islam tetapi sebenarnya mengingkari ajaran Islam.

Â

Sumber: <http://www.bicaramuslim.com/>

ï»¿